

Nasihat Datuk Musa dapat perhatian Pemuda

SUNGAI SIPUT, Isnin — Saranan dan nasihat Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam mengenai golongan tertentu yang menggunakan politik bercorak komersial mendapat sokongan penuh dari peserta-peserta khemah kerja politik Pemuda Umno di yang berakhir lewat petang semalam.

Beberapa peserta menisfatkan nasihat dan seruan itu sebagai wajar dan perlu dijadikan panduan oleh setiap pemimpin Umno di negeri ini.

Datuk Musa ketika merasmikan khemah kerja itu kelmarin menegaskan Umno tidak mahu melahirkan ahli dan pemimpin politik yang oportunistis ataupun songsang.

Beliau berkata Umno berhasrat demikian kerana sesuatu perjuangan yang negatif akan hanya membawa kepada kehancuran, merugikan bangsa Melayu, mencemarkan keagungan bangsa Melayu dan negara seluruhnya.

Seorang ahli Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Said Taib berpendapat nasihat itu wajar dijadikan panduan bagi menghadapi pemilihan mesyuarat agung parti tahun depan.

Perbuatan memberi sogokan politik secara langsung atau tidak boleh melemahkan perjuangan Umno keseluruhannya.

Wabak

Beliau yang juga pengurus biro kebudayaan Pemuda Umno menegaskan jika politik komersial berterusan ia dikhuatiri akan mewujudkan barisan pemimpin yang tidak bertanggungjawab.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Parit Buntar, Encik Abdul Rashid bin Abdul Rahman mengingatkan wabak politik bercorak komersial ini akan melemahkan semangat pimpinan parti di semua peringkat.

Menurutnya, unsur-unsur ini bukan sahaja kurang sihat tetapi boleh menimbulkan perpecahan, melemahkan daya tahan dan kepemimpinan yang unggul di kalangan ahli Umno sekarang.

Sebagai sebuah parti yang kuat dan matang, pemimpin dan ahli Umno seharusnya berwaspada dengan kelakuan setengah pemimpin yang mementingkan kebenaran.

Haji Ibrahim Tahir dari Teluk Intan pula berpendapat, pengaruh kebenaran tidak akan mempengaruhi pemikiran ahli-ahli parti dalam mengendalikan perjuangan Umno.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Teluk Intan berkata, ada kalangan tertentu yang menggunakan wang untuk mencari pengaruh dalam parti gagal kerana sebilangan besar ahli-ahli parti mempunyai semangat kritikal.